

BERITA HARIAN

DATE: 16/9/2008

# Selesai isu negara dibincang

Pak Lah, Najib bertemu

BH - 16/9/2008

Oleh Zulkofli Jamaludin,  
Shaarani Ismail dan  
Hanneeyzah Bariah Baharin  
bhnews@bharian.com.my

**K**UALA TERENGGANU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau mengadakan perjumpaan dengan Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak petang semalam bagi membincangkan mengenai pelbagai perkara yang berlaku dalam negara.

Perdana Menteri berkata, dalam pertemuan itu beliau dan Timbalannya membincangkan mengenai apa yang berlaku dan langkah yang perlu diambil.

Ditanya adakah perbincangan itu mengenai peralihan kuasa, Abdullah berkata: "Tidak ada."

Perdana Menteri yang ditemui selepas Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat di Masjid Abidin, di sini, malam tadi juga menegaskan, tarikh Jun 2010 sudah diputuskan untuk peralihan kuasa.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Besar, Datuk Ahmad Said; Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Shabery Cheek dan Setiausaha Agung Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansur.

Difahamkan pertemuan Abdullah dan Najib diadakan di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana.

Sementara itu, dalam ucapannya, Abdullah meminta rakyat supaya tidak kelam-kabut, terutama berhubung



ABDULLAH dan Najib berbincang isu semasa di Seri Perdana di Putrajaya, semalam.

berita disebarkan pakatan pembangkang yang mendakwa 16 September adalah tarikh kerajaan Barisan Nasional (BN) akan ditumbangkan.

Perdana Menteri berkata, penyebaran perkara itu menyebabkan rakyat terperangkap dengan penyebaran maklumat yang tidak betul seterusnya berlaku keadaan kelam-kabut yang tidak me-

nguntungkan negara.

"Menjadi harapan kita dalam bulan Ramadan untuk meningkatkan amal ibadat, tetapi apa yang berlaku kita terperangkap dengan penyebaran maklumat tidak betul dan nakal yang dijadikan pembowongan untuk menjadkan kita kelam-kabut.

"Hal ini perlu kita ingat... orang kita cepat sangat nak jadi kelam-kabut, terutama

mengenai isu nak tukar kerajaan pada 16 September. Orang suka nak jadikan ia hujah, tetapi yang nyata ia tak akan berlaku," katanya.

Abdullah berkata, apa yang paling penting ketika Ramadan umat Islam perlu meneruskan semangat bantu membantu yang akan mewujudkan suasana ihsan untuk membantu dan menolong orang lain.